# Mengenali Insurans Hayat

## LINDUNGI diri anda dengan pelan yang memenuhi keperluan anda.

Berikut adalah garis panduan untuk membantu anda mempelajari asas-asas insurans hayat.

Mendengar. Memahami. Melaksana.



## Bagaimana insurans hayat berfungsi?





# Jenis-jenis Pelan Insurans Hayat

| | Pelan Konvensional | | Pelan Berkaitan Pelaburan |
|---|---|---|---|
| | **Bertempoh** | **Endowment/ Sepanjang Hayat** | **Endowment/ Sepanjang Hayat** |
| **Keperluan** | ✓ **Perlindungan** insurans untuk **tempoh terhad** sahaja dan manfaat dibayar atas kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), yang mana lebih awal. | ✓ Kombinasi **perlindungan** dan **simpanan** yang mana manfaat dibayar pada akhir tempoh yang ditentukan, atau atas kematian atau TPD, yang mana lebih awal. | ✓ Kombinasi **perlindungan** dan **pelaburan** yang mana premium **digunakan untuk membeli perlindungan insurans** dan **unit** dalam Dana Berkaitan Pelaburan yang diuruskan oleh syarikat insurans. Nilai polisi anda akan bergantung kepada prestasi Dana Berkaitan Pelaburan. |
| **Jenis Dana** | ✓ **Dana Insurans Hayat Tanpa Penyertaan -** Risiko pelaburan ditanggung oleh syarikat insurans | ✓ **Dana Insurans Hayat Penyertaan -** Risiko pelaburan ditanggung oleh syarikat insurans dan Pemilik Polisi, melalui perkongsian keuntungan dalam bentuk bonus tidak dijamin untuk polisi; atau<br>✓ **Dana Insurans Hayat Tanpa Penyertaan** - Risiko pelaburan ditanggung oleh syarikat insurans | ✓ **Dana Berkaitan Pelaburan pra-tetap atau pilihan pelanggan -** Risiko pelaburan ditanggung oleh Pemilik Polisi |
| **Perlindungan Tambahan** | ✓ Umumnya dikenali sebagai "**rider**", ini adalah manfaat pilihan untuk perlindungan tambahan:<br>**Kemalangan** · **Penyakit Kritikal** · **Kesihatan dan Perubatan** · **Manfaat Payor/Waiver**<br><br>✓ Tertakluk kepada ketersediaan dan kelayakan pelan yang ditawarkan<br>✓ Premium tambahan diperlukan | | |
| **Premium dan Perlindungan**<br><br>* Pembelian polisi insurans hayat adalah satu komitmen jangka masa panjang. Anda perlu memastikan bahawa polisi ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium berbayar adalah mengikut kemampuan anda. | ✓ **Premium** boleh **dijamin atau tidak dijamin**<br>✓ **Perlindungan diteruskan** selagi premium dibayar<br>✓ Sekiranya terdapat premium tertunggak dan polisi mempunyai nilai tunai yang mencukupi, syarikat insurans akan menggunakan nilai tunai untuk membayar premium dan faedah secara sendirinya untuk memastikan perlindungan diteruskan. Namun, setelah kehabisan nilai tunai, polisi tersebut akan luput. | | ✓ **Premium tidak dijamin**<br>✓ **Premium diperuntukkan untuk membeli unit** untuk perlindungan, sementara caj dibayar secara penebusan unit<br>✓ Premium yang tidak diperuntukkan digunakan untuk membiayai komisen dan perbelanjaan syarikat insurans<br>✓ Perlindungan tertakluk kepada kecukupan unit untuk pembayaran insurans dan caj lain<br>✓ Potensi kenaikan dari Dana Berkaitan Pelaburan<br>✓ **Fleksibilti** untuk Pemilik Polisi dalam **pemilihan/penukaran/penambahan nilai (iaitu untuk simpanan, pelaburan sukarela)/pengeluaran dana** |
| | ✓ Manfaat akan dibayar apabila berlakunya **kematian** atau **TPD** (jika berkenaan) ke atas hayat yang diinsuranskan sepanjang tempoh polisi | ✓ Manfaat akan dibayar kepada hayat yang diinsuranskan untuk **kematangan polisi pada akhir tempoh** atau **atas kematian atau TPD** (jika berkenaan), yang mana lebih awal<br>✓ Polisi jenis Penyertaan mempunyai potensi kenaikan | |



Untuk maklumat lanjut mengenai pemilihan pelan insurans yang bersesuaian, sila kunjungi **www.prudential.com.my** atau hubungi Prudential Wealth Planner / Wakil Bank kami.

07/2020